

DENDANG PENYAMAR
Masked Booby

FAMILI: Sulidae
NAMA SAINTIFIK: *Sula Dactylatra*

CIRI-CIRI

Keseluruhan bulu yang berwarna putih kecuali bahagian muka, ekor dan bulu penerbangan pada sayap yang berwarna hitam. Paruhnya berwarna kekuningan manakala kakinya berwarna kelabu. Bagi burung juvenil, kepala, leher dan bahagian atas badan berwarna coklat dengan garisan putih yang jelas pada belakang leher manakala bahagian bawah badan dan sayap pula berwarna putih.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi spesies ini ialah 74 -86 sm.

MAKANAN

Diet bagi spesies ini terdiri daripada ikan dan juga sotong.

HABITAT

Spesies ini biasanya ditemui di laut dan juga pulau-pulau kecil.

TABIAT

Burung ini menangkap mangsanya dengan cara menjunam ke permukaan air. Struktur sarangnya sangat ringkas dan biasanya di bina di atas tanah atau batu.

PEMBIAKAN

Musim membiak pula ialah antara bulan Januari-Februari, individu betina boleh menghasilkan antara 1-2 biji telur yang berwarna putih.